Malaysia Catat Lonjakan Kedudukan Terbanyak dalam Indeks Keterangkuman Kewangan Global 2026 oleh Principal®

Sistem kewangan yang moden dan ekosistem digital yang mendorong Malaysia melonjak ke kedudukan ke-15 serta memperkukuh keterangkuman kewangan

KUALA LUMPUR - NOVEMBER 5, 2026 - Malaysia mencatat peningkatan terbanyak dalam keterangkuman kewangan antara semua pasaran di peringkat global, dengan lonjakan enam anak tangga ke kedudukan ke-15, menurut Indeks Keterangkuman Kewangan Global 2026 oleh Principal Financial Group® dan Centre for Economics and Business Research (Cebr).

Menurut Indeks tersebut, yang menilai 42 pasaran berdasarkan sokongan daripada majikan, kerajaan dan sistem kewangan, skor keseluruhan keterangkuman kewangan, Malaysia meningkat sebanyak 5.0 mata tahun ke tahun kepada 58.2, jauh mengatasi purata global sebanyak 52.0 daripada 100 mata.

Peningkatan ini dipacu oleh perkembangan dalam sistem kewangan Malaysia. Malaysia melonjak enam anak tangga ke kedudukan ke-13 bagi sokongan sistem kewangan, dengan peningkatan skor sebanyak 8.1 mata kepada 59.5, berbanding purata global sebanyak 55.3 dan purata serantau Asia Tenggara sebanyak 45.6. Peningkatan ini mencerminkan pertambahan jumlah transaksi masa nyata, yang menyaksikan Malaysia melonjak tujuh anak tangga ke kedudukan kesembilan, di samping peningkatan lebih kecil dalam kedudukan bagi akses kepada modal, akses kepada kredit dan keyakinan perniagaan.

Malaysia berada di kedudukan kelima dunia bagi sokongan majikan, meningkat dua anak tangga berbanding tahun sebelumnya, dengan skor sebanyak 72.6, jauh mengatasi purata global sebanyak 65.7 dan purata serantau Asia Tenggara sebanyak 69.3. Peningkatan skor sokongan majikan Malaysia berbeza dengan pasaran lain, apabila sokongan majikan mencatat penurunan di 35 daripada 42 pasaran yang dinilai di peringkat global. Bagi sokongan kerajaan, Malaysia berada di kedudukan ke-26, turun hanya satu anak tangga berbanding tahun sebelumnya, dengan skor sebanyak 53.6.

	Skor Malaysia	**Purata global**	**Purata Asia Tenggara**
Sokongan keterangkuman kewangan keseluruhan	58.2	52.0	48.0
Sokongan kerajaan	53.6	45.7	45.7
Sokongan sistem kewangan	59.5	55.3	45.6
Sokongan majikan	72.6	65.7	69.3

Munirah Khairuddin, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua, Principal Asset Management Berhad (Kumpulan Syarikat) berkata: "Malaysia mencatat peningkatan terbanyak dalam keterangkuman kewangan pada tahun ini. Ini menunjukkan bagaimana pemodenan sektor kewangan dapat meningkatkan akses kepada pembiayaan, memperkukuh keyakinan perniagaan dan meransang pertumbuhan ekonomi. Usaha pendigitalan perkhidmatan kewangan telah membolehkan lebih ramai individu menggunakan sistem kewangan, di samping mengubah cara mengakses maklumat dan produk kewangan. Kesan ini turut dicerminkan dalam ekonomi sebenar, apabila skor bagi peranan sistem kewangan sebagai pemangkin pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta keyakinan terhadap perniagaan meningkat. Pada peringkat makro pula, pasaran buruh semakin kukuh, manakala pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh beberapa tahun."

Ekosistem digital Malaysia yang mantap membantu menterjemahkan inovasi kepada keterangkuman kewangan yang lebih kukuh

Classification: Internal Use

Antara penemuan utama dalam kajian terdahulu menunjukkan bahawa pasaran yang mencatat kemajuan paling ketara dalam keterangkuman kewangan juga merupakan pasaran yang melabur paling banyak dalam infrastruktur kewangan digital, khususnya teknologi kewangan (fintech).

Penyelidikan tahun ini mengenal pasti pasaran yang berpotensi menjadi peneraju fintech pada masa hadapan dengan menilai tahap pelaburan semasa mereka dalam fintech dan infrastruktur kewangan digital, serta keberkesanan kerajaan dalam membangunkan strategi fintech yang berpandangan jauh. Faktor-faktor ini membantu menentukan pasaran yang berada pada kedudukan terbaik untuk memperluas keterangkuman kewangan pada masa hadapan. Analisis ini merangkumi aspek seperti sasaran yang boleh diukur, komitmen pembiayaan, pelan pelaksanaan, infrastruktur digital awam serta penerapan kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan kewangan.

Dalam analisis mengenai bakal peneraju fintech pada masa hadapan, Indeks ini mengklasifikasikan Malaysia dalam kategori '*Stable Incumbent*'. Kategori ini merangkumi pasaran yang mempunyai infrastruktur kewangan digital yang mantap dan berpotensi mengekalkan kedudukan mereka sebagai pusat kecemerlangan kewangan digital yang terkemuka.

Momentum Malaysia menunjukkan bagaimana ekosistem digital mampu menterjemahkan inovasi kepada keterangkuman kewangan yang lebih meluas," kata Munirah. "Untuk mengekalkan kemajuan ini, pembangunan infrastruktur dan strategi kewangan digital perlu diteruskan, di samping memastikan inovasi disokong oleh tadbir urus dan langkah perlindungan pengguna yang diperlukan bagi memperluas penyertaan dalam jangka panjang.

"Inisiatif termasuk Rangka Tindakan Ekonomi Digital, Pelan Induk Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia dan Pelan Induk Pasaran Modal Suruhanjaya Sekuriti Malaysia turut membantu membangunkan ekosistem fintech yang dinamik, di samping memperluas keterangkuman kewangan."

Penemuan utama daripada Indeks Keterangkuman Kewangan Global 2026:

- **Keterangkuman kewangan global mencapai paras tertinggi dalam sejarah pada tahun 2026**, dengan skor keseluruhan meningkat kepada 52 daripada 100 mata, iaitu paras tertinggi sejak Indeks ini mula diperkenalkan. Kebanyakan pasaran mencatat peningkatan selepas prestasi yang mendatar pada tahun sebelumnya.
- **Pendigitalan mempercepat peningkatan keterangkuman kewangan**, dengan sokongan sistem kewangan muncul sebagai pemacu utama kemajuan. Skor sokongan sistem kewangan meningkat sebanyak 4.4 mata kepada 55.3, iaitu lebih dua kali ganda peningkatan yang dicatatkan bagi sokongan kerajaan.
- **Sokongan majikan menurun untuk tahun kedua berturut-turut**, dengan skor berkurangan sebanyak 2.9 mata kepada 65.7, melibatkan penurunan di 83% pasaran. Tekanan ekonomi telah menyumbang kepada pengurangan faedah pekerja tambahan yang ditawarkan atas budi bicara majikan, manakala sokongan kerajaan dan sistem kewangan yang semakin kukuh mungkin mengurangkan kebergantungan kepada majikan untuk mendapatkan panduan kewangan.
- **Jurang persepsi semakin melebar meskipun terhadap kemajuan yang boleh diukur**. Meskipun skor keterangkuman kewangan mencapai paras tertinggi dalam sejarah, persepsi pengguna terhadap keterangkuman kewangan telah merosot ke paras terendah pernah direkodkan. Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem sokongan sedia ada mungkin tidak berkembang seiring dengan peningkatan jangkaan pengguna dan tekanan kos sara hidup.

-TAMAT-

Classification: Internal Use

Nota kepada editor
* “Global” merangkumi 42 negara yang dikaji dalam Indeks ini

Mengenai Indeks Keterangkuman Kewangan Global
Indeks Keterangkuman Kewangan Global menyenaraikan 42 negara berdasarkan tiga teras keterangkuman kewangan — sokongan kerajaan, sistem kewangan dan majikan — menggunakan data awam dan sumber berdasarkan tinjauan. Teras-teras ini mewakili pihak berkepentingan utama yang bertanggungjawab mempromosikan keterangkuman kewangan dalam kalangan populasi. Indeks ini meneliti cabaran dan peluang dalam usaha meningkatkan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang berguna serta mampu milik bagi memenuhi keperluan individu — termasuk urus niaga, pembayaran, simpanan, kredit dan insurans.

Pengiraan Indeks ini dijalankan oleh Principal dengan kerjasama Centre for Economics and Business Research (Cebr). Kaedah yang digunakan menggabungkan pelbagai sumber data ke dalam satu ukuran menyeluruh bagi keterangkuman kewangan di peringkat pasaran.

Mengenai Principal Financial Group
Principal Financial Group® (Nasdaq: PFG) merupakan sebuah syarikat kewangan global dengan 19,000 kakitangan[1] yang berdedikasi untuk meningkatkan kekayaan dan kesejahteraan individu serta perniagaan. Telah beroperasi selama 147 tahun, kami telah membantu lebih daripada 82 juta pelanggan[2] merancang, melindungi, melabur, dan bersara, sambil menyokong komuniti di mana kami beroperasi dan membina tenaga kerja yang pelbagai dan inklusif. Principal® berbangga diiktiraf sebagai salah satu Syarikat Paling Etika di Dunia 2026[3], dan dinamakan sebagai “Tempat Terbaik untuk Bekerja dalam Pengurusan Wang[4].” Dapatkan informasi lanjut mengenai Principal dan komitmen kami terhadap kelestarian, keterangkuman, dan tujuan di principal.com.

Mengenai Centre for Economics and Business Research (Cebr)
Centre for Economics and Business Research (Cebr) adalah firma perunding ekonomi bebas yang terkenal dengan nasihat perniagaan yang kukuh berdasarkan penyelidikan yang menyeluruh dan bermakna. Sejak tahun 1992, Cebr telah berada di barisan hadapan dalam penyelidikan berkaitan perniagaan dan kepentingan awam, menyediakan analisis, unjuran serta nasihat strategik kepada syarikat-syarikat utama di United Kingdom dan peringkat antarabangsa, institusi kewangan, jabatan dan agensi kerajaan, serta badan perdagangan. Untuk maklumat lanjut mengenai Cebr, sila layari www.cebr.com.

Indeks Keterangkuman Kewangan Global merupakan model proprietari yang dibangunkan berdasarkan andaian tertentu yang mungkin berubah, tidak dijamin, dan tidak seharusnya dijadikan asas utama bagi sebarang keputusan pelaburan.

Penafian: Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini diperoleh daripada sumber yang dianggap boleh dipercayai dan adalah terkini setakat tarikh penerbitan. Tiada sebarang pernyataan atau jaminan diberikan, dan tiada sebarang tanggungjawab atau liabiliti diterima berhubung ketepatan, kelengkapan atau kesahihan maklumat yang terkandung dalam dokumen ini. Sebarang pandangan yang dinyatakan dalam dokumen ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Mana-mana pihak yang ingin bergantung pada maklumat ini hendaklah merujuk terus kepada sumber maklumat berkenaan atau mendapatkan nasihat profesional. Bahan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

[1] As of June 2026
[2] As of June 2026
[3] Ethisphere, 2026
[4] Pensions & Investment, 2025

Classification: Internal Use